

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH : 15 MAC 2017
SOALAN :

YB Lee Boon Chye [Gopeng] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan jumlah hutang oleh pesakit yang menerima rawatan di hospital dan klinik Kerajaan dan peratusan hutang oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2016, jumlah tunggakan bil hospital bagi pesakit yang menerima rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berjumlah RM60juta melibatkan pesakit seramai 196,645 orang. Daripada jumlah tersebut RM50.5juta atau 84.17% merupakan tunggakan bil rawatan pesakit warga asing.